



1.6.2024

Siaran Media

IR. PATHMANATHAN K.
CEO, PBAHB & PBAPP

KADAR AIR PULAU PINANG BERMATLAMAT MENYELESAIKAN ISU AIR PULAU PINANG

- **Sejak 1999, keuntungan PBAPP “dilaburkan semula” terutamanya untuk subsidi air domestik dan mempertingkatkan infrastruktur bekalan air.**
- **Pada 2024, PBAPP memerlukan lebih banyak dana untuk melaksanakan projek infrastruktur segera bagi meningkatkan bekalan air dan mengurangkan risiko air.**

PULAU PINANG, Sabtu, 1.6.2024: Kadar air bagi Pulau Pinang dikawal oleh Kerajaan Persekutuan bertujuan khusus untuk menyelesaikan isu air Pulau Pinang.

Sehingga 2024, PBAPP sedang berusaha untuk menangani isu air utama berikut bagi Pulau Pinang:

1. Penggunaan air tertinggi dalam sejarah: 877 juta liter sehari (JLH) pada tahun 2023 dan 927 JLH pada bulan Februari 2024;
2. Unjuran permintaan air sebanyak 1,532 JLH menjelang 2030;
3. Perubahan iklim, menjaskan hujan di kawasan tadahan air Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang; dan
4. Risiko lebih banyak kejadian tidak diingini di Sungai Muda (seperti pada 2022 dan 2023).

Ringkasnya, PBAPP mesti memperkembangkan dan menambah baik infrastruktur bekalan air Pulau Pinang untuk memenuhi permintaan air semasa dan masa hadapan, serta mengurangkan risiko air.

Pada masa yang sama, kos keseluruhan bekalan air di Pulau Pinang telah meningkat sebanyak 30% sejak 2015 apabila kadar air kali terakhir disemak.

Berbillion ringgit diperlukan untuk infrastruktur tambahan

PBAPP telah mengumumkan hasratnya untuk melabur RM1.184 bilion bagi



Memenuhi segala keperluan bekalan air anda
Meeting all your water supply needs



melaksanakan 8 projek Pelan Kontingensi Air 2030 (WCP 2030) untuk Pulau Pinang.

Di bawah WCP 2030, PBAPP akan membina 6 loji rawatan air baharu di Seberang Perai dan memasang saluran paip utama untuk mengepam lebih banyak air terawat dari Loji Rawatan Air Sungai Dua ke Pulau Pinang. Ini bagi memastikan bekalan air yang baik dan berterusan sehingga 2030.

Selain itu, PBAPP akan membelanjakan jutaan ringgit lagi untuk melaksanakan projek air strategik tambahan berikut:

- 1.35m Saluran Paip Menyeberangi Sungai Perai untuk meningkatkan jumlah pengepaman air terawat ke Daerah Barat Daya (DBD) di bahagian pulau.
- Tambahan saluran paip 400 JLH Empangan Mengkuang Diperbesarkan (EMD) dan/atau Skim Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS) Sungai Muda untuk mengurangkan risiko kejadian tidak diingini di Sungai Muda di Kedah yang menjelaskan bekalan air untuk 465,000 pengguna air di Pulau Pinang.

Kelewatan kadar air akan melewatkan penyelesaian kejuruteraan air

Isu air Pulau Pinang akan menjadi lebih teruk tanpa projek infrastruktur baharu atau tambahan.

Harap maklum bahawa sejak 1999, apabila PBAPP dikorporatkan, keuntungannya telah “dilaburkan semula” terutamanya untuk:

- Subsidi bekalan air domestik, yang berjumlah lebih RM500 juta dalam tempoh 5 tahun lepas.
- Projek infrastruktur air baharu atau yang dinaik taraf di Pulau Pinang.

Ketika ini, PBAPP memerlukan lebih banyak dana untuk melaksanakan projek WCP 2030 dan projek air strategik untuk Pulau Pinang.

Sebarang kelewatan atau rebat kadar air akan mengurangkan pembiayaan PBAPP. Sehubungan itu, kelewatan atau rebat kadar air tersebut akan menangguhkan atau menjelaskan pelaksanaan penyelesaian kejuruteraan bekalan air PBAPP untuk manfaat Pulau Pinang.

Persoalannya ialah: Adakah kita mahu menyelesaikan isu air Pulau Pinang secepat mungkin atau adakah kita mahu menunggu sehingga keadaan menjadi lebih teruk?

Makin murah, makin menawar

Data PBAPP menunjukkan bahawa 77.3% daripada 593,255 pengguna domestik



PBA
Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda
Meeting all your water supply needs



Pulau Pinang menggunakan $35m^3$ (35,000L) air sebulan atau kurang pada 2023.

Kadar purata domestik untuk penggunaan air domestik $35m^3$ pertama di Pulau Pinang ialah RM0.86 setiap m^3 .

RM0.86 setiap m^3 adalah tidak munasabah. Harap maklum bahawa $1m^3$ bersamaan dengan 1,000L atau isipadu air yang boleh mengisi 667 botol besar (1.5L) air minuman.

Ia adalah purata kadar domestik kedua terendah di Semenanjung Malaysia hari ini. Hanya pengguna domestik di Terengganu yang membayar kurang. Pengguna domestik di 9 negeri lain dan 3 wilayah persekutuan membayar lebih untuk bekalan air domestik.

Dengan mengenakan caj RM0.86 setiap m^3 untuk $35m^3$ pertama sebulan, PBAPP masih memberi subsidi penggunaan air untuk majoriti pengguna air domestik di Pulau Pinang, walaupun pada tahap yang lebih munasabah.

Ada pepatah Melayu: Makin murah, makin menawar.

Malangnya, PBAPP tidak mampu untuk layan atau tawar-menawar lagi dalam soal kadar air untuk Pulau Pinang.

Sebaliknya, kami berharap rakyat memahami dan menyokong pendekatan berorientasikan hasil kami iaitu: Berapa panjang lunjur, begitulah selimut.

Pulau Pinang adalah negeri yang kekurangan air. Ia mempunyai keluasan tanah yang terhad, sumber air yang terhad dan potensi sosioekonomi yang tidak terhad. PBAPP perlu mengumpul dana yang mencukupi untuk menangani senario dan risiko air semasa dan masa depan Pulau Pinang, sebelum keadaan menjadi lebih teruk.

Faktanya adalah kadar air Pulau Pinang 2024 dikawal secara khusus oleh Kerajaan Persekutuan untuk menangani dan menyelesaikan isu air Pulau Pinang. Buktinya kadar air tidak sama di 11 negeri Semenanjung dan 3 wilayah persekutuan.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Email : syarifah@pba.com.my